

25/09/1998

Kempen derma buku dilanjut

Bakhari Ariff

KUALA LUMPUR, Khamis - Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan melanjutkan tempoh kempen derma buku sehingga akhir bulan depan bagi mencapai sasaran kutipan sejuta buku.

Kementerian setakat ini tidak berpuas hati dengan sambutan agensi kerajaan dan badan korporat dalam menjayakan kempen itu kerana hanya berjaya mengutip 162,252 atau 11 peratus daripada sasaran.

Menterinya, Datuk Annuar Musa, berkata kempen selama dua bulan sebelum ini tidak berjaya sepenuhnya kerana kekurangan publisiti dalam media tempatan.

"Oleh sebab kurangnya publisiti menyebabkan masyarakat dan korporat tidak begitu mengambil perhatian," katanya kepada pemberita selepas menerima sumbangan 3,000 buku bernilai RM10,000 daripada koperasi Kedai Buku Universiti Malaya (UM), di sini hari ini.

Turut hadir Pengerusi Kedai Buku UM, Prof Diraja Ungku Aziz; Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Dr Abdul Aziz Muhamad dan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara, Datin Mariam Abdul kadir.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melancarkan kempen berkenaan di stesen minyak Petronas Sri Hartamas pada 5 Ogos lalu.

Kempen itu bertujuan mengumpul sejuta buku untuk diagihkan kepada 1,000 pusat bacaan di luar bandar, termasuk di rumah panjang, estet, rumah orang tua dan pusat pemulihan dadah.

Annuar berkata, individu dan korporat akan memberi sumbangan jika ada publisiti meluas.

Beliau juga bercadang mewujudkan pusat bacaan di sebahagian besar kedai kopi dan restoran di pedalaman bagi mewujudkan budaya membaca berkembang di kalangan masyarakat luar bandar.

Menurutnya, program berkenaan adalah lanjutan kepada langkah kementerian sebelum ini meletakkan bahan bacaan ringan seperti akhbar dan majalah di tempat berkumpul masyarakat setempat.

Jumlah kutipan sumbangan buku di negeri-negeri sehingga kini hanya sebanyak 162,252 atau 10.9 peratus. Selangor mencatatkan jumlah kutipan tertinggi iaitu 180,000 berbanding Perlis (30,000), Kedah (100,000) dan Kelantan (70,000).

Sehubungan itu, katanya, kementerian akan mempergiatkan lagi kempen di negeri-negeri memandangkan ada negeri yang tidak menjalankan promosi.

Annuar berkata, kementerian bekerjasama erat dengan stesen minyak Petronas dan Pos Malaysia dalam menjayakan kempen berkenaan.

"Orang ramai yang mahu menderma boleh menyerahkan buku berkenaan di setiap stesen Petronas, manakala agensi kerajaan atau korporat yang mahu menderma dengan jumlah besar boleh menghubungi kementerian," katanya.

(END)